



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

UMK.B01.02.100-1/3/1 ( 9 )

26 MAC 2020

## PEKELILING AKADEMIK BIL.4/2020

### PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) KULIAH SECARA ePEMBELAJARAN BAGI SEMUA PROGRAM PENGAJIAN TERMASUK PENYELIAAN LATIHAN INDUSTRI PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN.

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) secara ePembelajaran bagi semua program pengajian termasuk pelaksanaan dan penyeliaan Latihan Industri (LI) pelajar UMK berdasarkan pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa bermula 18 Mac 2020 hingga 14 April 2020 mengikut Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Malaysia.

3. Sepertimana Pekeliling Pentadbiran Bilangan 14/2020 bertarikh 17 Mac 2020, tempoh Cuti Pertengahan Semester Februari 2019/2020 akan berakhir pada 4 April 2020. Oleh yang demikian, **Pelaksanaan ePembelajaran ini akan bermula pada 05 April 2020 hingga 16 April 2020.** Kaedah ePembelajaran ini boleh dilaksanakan di kediaman masing-masing atau di Kolej Kediaman UMK dengan mematuhi PKP yang berkuatkuasa. Manakala sesi pembelajaran secara bersemuka akan bermula pada 19 April 2020 (tertakluk kepada perubahan PKP).

4. Bagi pelajar yang menjalani Latihan Industri (LI), saudara/i diminta untuk mematuhi PKP yang berkuatkuasa serta mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh majikan masing-masing. Saudara/i boleh bekerja dari rumah jika diarahkan oleh majikan dan kembali bertugas selepas tempoh PKP ditamatkan. Untuk makluman, cuti semasa tempoh PKP berkuatkuasa tidak perlu diganti. Sekiranya syarikat majikan tidak lagi beroperasi atau menamatkan LI semasa/selepas tempoh PKP, pihak fakulti perlu mencadangkan tugas atau projek akademik yang bersesuaian bagi menggantikan LI berkenaan. Urusan penyeliaan dan penghantaran tugas dilakukan secara atas talian.

5. Sebarang pertanyaan berhubung dengan ePembelajaran, warga UMK diminta untuk menghubungi Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA) di talian 09-7797599. Pelajar LI boleh berhubung dengan penyelaras LI di fakulti masing-masing untuk sebarang pertanyaan.

6. Pekeliling ini berkuatkuasa pada 26 Mac 2020.

7. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

***“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”***

**‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’**

Yang menjalankan amanah,



**PROF. DR. MOHD RAFI BIN YAACOB**

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor - Timbalan Naib Canselor
  - Pendaftar
  - Semua Dekan/ Pengarah Pusat Pengajian
  - Timbalan Pendaftar, Bahagian Pentadbiran Akademik